

# Kanak-kanak perempuan maut kena dera

Dipercayai dilakukan teman lelaki ibu mangsa, ada kesan lebam di badan sewaktu dihantar ke hospital

**ALANG AZIZAH MOKHTAR**

**HULU SELANGOR** - Seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun mati dipercayai menjadi mangsa dera teman lelaki ibunya dalam kejadian di Kampung

Batu 30, Ulu Yam, Batang Kali di sini malam kelmarin.

Timbalan Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Deputi Superintendan Bakhtiar Rashid berkata, kanak-kanak malang itu disahkan meninggal dunia selepas dihan-

tar oleh suspek ke Hospital Kuala Kubu Bharu (HKKB) untuk menerima rawatan.

Menurutnya, suspek yang berumur 28 tahun bekerja sebagai pemandu teksi itu dipercayai menghantar mangsa dikenali sebagai

Sapiah ke wad kecemasan hospital itu kira-kira jam 8 malam sebelum bertindak menghilangkan diri.

"Suspek mengatakan pada pihak hospital mangsa terjatuh daripada motosikal sebelum bergegas meninggalkan mangsa dengan alasan kononnya hendak membuat laporan polis.

"Pihak hospital kemudian rujuk pada kami mengenai perkara itu dan dari situ kita dapat mengesan suspek berbohong kerana tidak sebarang laporan kemalangan diterima daripadanya," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Katanya, polis kemudian

menjalankan gerakan untuk mengesan suspek dan berjaya menahannya kira-kira tujuh jam selepas itu untuk membantu siasatan.

"Pihak hospital mengesahkan terdapat beberapa kesan calar dan lebam di badan mangsa terutamanya di bahagian muka, leher, bahu dan beberapa bahagian badan lain termasuk perut.

"Pihak HKKB akan menjalankan bedah siasat jam 10 pagi esok (hari ini) oleh doktor pakar dari Hospital Sungai Buloh," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati mangsa merupakan anak pertama dari dua beradik dan bapa

kandungnya dipercayai kini sedang dipenjarakan.

"Buat masa ini kita sedang menjalankan siasatan lanjut dan sudah mengambil keterangan dari ibu mangsa yang berusia 30-an.

"Difahamkan wanita itu sudah menjalinkan hubungan dengan suspek sejak lebih enam tahun lalu dan mendapat seorang anak perempuan berusia setahun enam bulan hasil perhubungan mereka," katanya.

Bakhtiar berkata, pihaknya berharap mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengenai kes ini agar tampil membantu siasatan.